

Embargo: Hanya boleh diterbitkan atau disebarikan mulai jam 1200, Khamis, 28 Julai 2022



KENYATAAN MEDIA

BAGI PERANGKAAN PERDAGANGAN LUAR NEGERI SARAWAK 2021

Eksport dan import Sarawak mencatatkan pertumbuhan dua digit pada tahun 2021, masing-masing meningkat 31.8 peratus dan 20.1 peratus.


PUTRAJAYA, 28 Julai 2022 – Perdagangan Sarawak telah merekodkan pertumbuhan dua digit pada tahun 2021 berbanding tahun sebelumnya, sebagai mana yang dilaporkan dalam penerbitan **PERANGKAAN PERDAGANGAN LUAR NEGERI SARAWAK, BAGI TAHUN RUJUKAN 2021**. Pertumbuhan ini didorong oleh permintaan luaran yang kukuh serta harga komoditi yang lebih tinggi. Penerbitan ini memaparkan statistik perdagangan Sarawak dengan rakan dagangan dari segi volum dan nilai barangan mengikut klasifikasi komoditi terperinci.

Ketua Perangkawan Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin berkata "Jumlah dagangan Sarawak pada tahun 2021 meningkat 27.8 peratus daripada RM118.1 bilion kepada RM150.9 bilion. Imbangan dagangan terus mencatatkan lebihan dengan nilai RM52.7 bilion, meningkat 45.1 peratus daripada tahun sebelumnya".


Mengulas lanjut berhubung prestasi perdagangan Sarawak, Ketua Perangkawan Malaysia menyatakan, " Selari dengan prestasi dagangan Sarawak, eksport dan import juga menunjukkan trend yang sama. Pada tahun 2021, eksport meningkat 31.8 peratus kepada RM101.8 bilion, manakala import naik sebanyak 20.1 peratus tahun ke tahun kepada RM49.1 bilion. Pengembangan dalam eksport seiring dengan permintaan yang lebih tinggi dari Semenanjung Malaysia (+RM5.3 bilion), China (+RM4.9 bilion), India (+RM4.3 bilion), Jepun (+RM3.1 bilion) dan Kenya (+RM1.8 bilion), manakala bagi import disumbangkan oleh peningkatan import terutamanya dari Semenanjung Malaysia (+RM3.3 bilion) dan China (+RM1.7 bilion), diikuti oleh Indonesia (+RM761.7 juta), Australia (+RM619.5 juta) dan Singapura (+RM609.1 juta). Berdasarkan barangan, peningkatan eksport disumbangkan terutamanya oleh gas asli cecair (+RM6.3 bilion, +21.8%), minyak kelapa sawit (+RM3.9 bilion, +35.5%), petroleum mentah (+RM3.3 bilion, +45.5%), aluminium (+RM2.7 bilion, +53.1%) dan kondensat & minyak petroleum lain (+RM2.0 bilion, +64.3%). Manakala, import dipacu oleh keluaran petroleum bertapis (+RM1.0 bilion, +64.1%), bijih aluminium & konsentrat (+RM973.4 juta, +52.3%) dan pelbagai keluaran kimia, tstl. (+RM720.9 juta, +34.6%). Semenanjung Malaysia merupakan rakan dagangan utama yang menyumbang 25.3 peratus kepada jumlah perdagangan Sarawak, diikuti oleh China (17.9%), Jepun (15.1%), Republik Korea (6.7%) dan India (6.6%). Lima rakan dagangan ini merangkumi 71.6 peratus daripada jumlah perdagangan Sarawak pada tahun 2021".

Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) sedang menjalankan Survei Pendapatan, Perbelanjaan Isi Rumah dan Kemudahan Asas (HIES/BA) 2022 bermula dari 1 Januari 2022 sehingga 31 Disember 2022 dan Survei Ekonomi Tahunan 2022 (AES 2022) bermula 15 April sehingga 30 September 2022. DOSM amat menghargai kerjasama daripada responden yang terpilih untuk memberikan maklumat kepada DOSM serta menayakan survei ini. Sila layari www.dosm.gov.my untuk maklumat lanjut. DOSM juga menerbitkan statistik ekonomi dan sosial iaitu PocketStats yang mengandungi statistik suku tahunan dan tahunan yang boleh diperolehi dari portal DOSM atau melalui pautan https://bit.ly/PocketStatsS1_2022.

Carta 1: Nilai Eksport dan Perubahan Tahunan, 2012-2021



Carta 2: Nilai Import dan Perubahan Tahunan, 2012-2021



Dikeluarkan oleh:

PEJABAT KETUA PERANGKAWAN MALAYSIA
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA
28 JULAI 2022

Embargo: Only can be published or disseminated at 1200 hour, Thursday, 28th JULY 2022



PRESS STATEMENT

FOR SARAWAK EXTERNAL TRADE STATISTICS 2021

Sarawak's exports and imports recorded double-digit growth in the year 2021, by 31.8 per cent and 20.1 per cent, respectively.

PUTRAJAYA, 28th July 2022 – Sarawak's trade performance registered double-digit growth in year 2021 as compared to the previous year, as published today in **SARAWAK EXTERNAL TRADE STATISTICS, FOR REFERENCE YEAR 2021**. This growth was driven by robust external demand and higher commodity prices. This publication presents Sarawak's Trade Performance vis-a-vis trading partners in terms of volume and value of merchandise goods by detail classification of commodity

Commenting on the publication, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin, Chief Statistician Malaysia, said "Total trade in 2021 increased by 27.8 per cent from RM118.1 billion to RM150.9 billion. The trade balance continued to record a surplus with a value of RM52.7 billion, an increase of 45.1 per cent from the previous year.

Commenting further on the Sarawak's trade performance, the Chief Statistician said, "Consistent with the trade performance, exports and imports also showed a similar trend. In 2021, exports increased by 31.8 per cent to RM101.8 billion, while imports rose by 20.1 per cent year-on-year (y-o-y) to RM49.1 billion. The growth in exports was in line with higher demand from Peninsular Malaysia (+RM5.3 billion), China (+RM4.9 billion), India (+RM4.3 billion), Japan (+RM3.1 billion) and Kenya (+RM1.8 billion), while for imports contributed by increasing imports mainly from Peninsular Malaysia (+RM3.3 billion) and China (+RM1.7 billion), followed by Indonesia (+RM761.7 million), Australia (+RM619.5 million) and Singapore (+RM609.1 million). Products wise, the surge in exports was contributed mainly by liquefied natural gas (+RM6.3 billion, +21.8%), palm oil (+RM3.9 billion, +35.5%), crude petroleum (+RM3.3 billion, +45.5%), aluminium (+RM2.7 billion, +53.1%) and condensate & other petroleum oil (+RM2.0 billion, +64.3%). Meanwhile, higher imports were driven by refined petroleum products (+RM1.0 billion, +64.1%), aluminium ores & concentrates (+RM973.4 million, +52.3%) and miscellaneous chemical products, n.e.s. (+RM720.9 million, +34.6%). Peninsular Malaysia was the major trading partner accounting for 25.3 per cent of Sarawak's total trade, followed by China (17.9%), Japan (15.1%), the Republic of Korea (6.7%) and India (6.6%). These five trading partners represented 71.6 per cent of Sarawak's total trade in 2021."

The Department of Statistics Malaysia (DOSM) is conducting the Household Income, Expenditure and Basic Amenities Survey (HIES/BA) 2022 from 1st January 2022 to 31st December 2022 and the Annual Economic Survey 2022 (AES 2022) from 15th April 2022

to 30th September 2022. DOSM greatly appreciates the cooperation given by selected respondents by sharing their information with DOSM and making the survey a success. Please visit www.dosm.gov.my for more information. DOSM also released economic and social statistics, namely PocketStats which contain quarterly and annual statistics that can be obtained from the DOSM portal or via the link https://bit.ly/PocketStatsQ1_2022.

Chart 1: Exports Value and Annual Change, 2012-2021





Chart 2: Imports Value and Annual Change, 2012-2021



Released by:

**THE OFFICE OF CHIEF STATISTICIAN MALAYSIA
DEPARTMENT OF STATISTICS, MALAYSIA
28th JULY 2022**